

05 APR 2004

RAFIDAH SAMBUT BAIK ARAHAN ISYTIHAR HARTA

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Ketua Wanita UMNO Datuk Seri Rafidah

Aziz menyambut baik saranan pengisytiharan harta bagi semua wakil rakyat

Barisan Nasional (BN) sebelum akhir bulan depan.

Beliau berkata pengisytiharan harta memanglah satu amalan tradisional yang dilakukan semenjak kepimpinan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap kepada pemberita selepas Dialog Tahunan 2004 bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di sini hari ini, Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata pengisytiharan itu telah dibuat setiap dua tahun sekali sebagai amalan biasa.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengarahkan semua wakil rakyat BN membuat pengisytiharan harta meliputi harta yang dimiliki oleh wakil rakyat serta anggota keluarga masing-masing.

-- BERNAMA

MAS MFJ